



Banjir berlaku selepas hujan lebat di Taman Wan Shaw, Bukit China disebabkan **kegagalan sistem perparitan** di kawasan perumahan itu.

[FOTO MOHD FAHMI MOHAMED DIAH / BH]

Air bertakung selepas hujan

» **Projek pembinaan saluran parit didakwa punca masalah**

Oleh Mohd Fahmi Mohamed Diah
bhnews@bharian.com.my

■ Melaka Tengah

Penduduk Taman Wan Shaw, Bukit China, di sini, kini berdepan masalah air bertakung di kawasan kediaman mereka setiap kali hujan lebat.

Ironinya, masalah itu

didakwa berpunca daripada pelaksanaan projek pembinaan saluran parit tidak jauh dari situ yang dipercayai tertangguh atau perlahan.

Tinjauan BH Sentral ke taman perumahan itu baru-baru ini mendapati takungan air berkenaan tidak surut walaupun hujan sudah berhenti kira-kira lima jam sebelum itu.

Penduduk yang dikenali sebagai Goh, 57, berharap pihak berkuasa terbabit dapat membantu menyelesaikan masalah itu segera.

Beliau mendakwa pemaju projek berkenaan yang menghentikan operasi kira-kira seminggu lalu memburukkan lagi

masalah takungan air di situ.

“Kawasan perumahan ini sering dilanda banjir sebelum ini namun air tidak pernah bertakung atau gagal mengalir

keluar. Saya percaya masalah ini berlaku kerana projek saluran yang sedang dilaksanakan lambat siap,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Linda Foo, 52, berkata lebih memburukkan keadaan apabila air dari bangunan hotel berhampiran yang dibina di

tapak lebih tinggi turun ke kawasan perumahan itu menjadikannya tidak ubah seperti kawasan tadahan air.

“Air dari hotel yang turut

disalurkan ke parit sama menyumbang kapasiti air yang lebih banyak ke parit terbabit yang merentasi tapak projek itu.

“Penduduk sudah beberapa kali mengemukakan aduan berkaitan masalah ini kepada pihak bertanggungjawab, namun sehingga kini masalah ini terus berlaku,” katanya.

Keadaan sama turut dihadapi pekerja kedai serbaneka 24 jam berhampiran yang dikenali sebagai Chye, 33, apabila mengakui mengalami kerugian setiap kali air masuk ke dalam kedai.

“Setiap kali hujan lebat hampir seluruh bahagian kedai dinaiki air sehingga paras betis. Ini menyebabkan saya dan pekerja lain perlu bersedia menyelamatkan seberapa banyak barang jualan terutama yang berada di bahagian bawah jika hujan lebat,” katanya.



Tiga pam berkuasa tinggi atasi banjir

Setiausaha Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Azmi Hussain (**gambar**), ketika dihubungi berkata, projek berkenaan membabitkan pembinaan sistem perparitan sepanjang beberapa kilometer menghala ke rumah pam di pesisir Sungai Melaka.

Katanya, rumah terbabit dilengkapi tiga unit pam berkuasa tinggi yang mampu membawa air dalam kuantiti lebih banyak dari kawasan terjejas ke Sungai Melaka bagi mengelak banjir.